

Jika masalah dadah diabaikan di negeri ini Masyarakat kurang waras mungkin ujud Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, 30 Jun — (Dr. Mahathir Mohamad) mengingatkan tentang kemungkinan akan lahir golongan masyarakat yang tidak waras di negara ini jika masalah penyalahgunaan dadah tidak diberikan perhatian serius.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dadah bukan sahaja setakat membawa impian-impian manis bahkan menimbulkan khayalan yang merupakan salah satu tanda keadaan yang tidak waras.

"Oleh itu jika penyalahgunaan dadah ini berlaku secara berleluasa maka sudah pasti ia akhirnya akan membawa kepada keadaan masyarakat yang tidak waras atau a mad society", kata beliau.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, negara kita masih belum mencapai ke peringkat itu. "Tetapi kita akan sampai ke peringkat itu dengan cepat jika masalah ini tidak diberi perhatian yang serius," tegas beliau.

Berucap di satu majlis jamuan makan malam anjuran Lions Club Kuala Lumpur di sini malam ini, Dr. Mahathir lalu menggesa seluruh rakyat di negara ini turut memainkan peranan untuk menghapuskannya.

Beliau berkata, kerajaan amat bimbang dengan keadaan penyalahgunaan dadah di negara ini sekarang dan segala langkah yang perlu telah diambil untuk membendungnya.

Ini termasuklah menggubal undang-undang yang membolehkan hukuman mati dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah mengedar dadah, menubuhkan Pusat Biro Narkotik dengan peruntu-



DR. MAHATHIR

kan wang yang banyak untuk mereka bertindak dan lain-lain.

Sebuah jawatankuasa kabinet dan pegawai-pegawai juga telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh beliau sendiri untuk mencegah penyalahgunaan dadah ini.

Jawatankuasa ini, katanya, yang bersidang tiap-tiap minggu, menyalurkan segala kegiatan berhubung dengan dadah, termasuk soal mencegah penyeludupan, rawatan dan pemulihan, serta hukuman.

"Bagaimanapun ini semua tetap tidak akan berkesan jika rakyat sendiri tidak memberikan sokongan. Undang-undang ha-

nya akan berkesan bila seluruh rakyat berpegang teguh kepadanya," kata beliau.

Ini boleh dilakukan oleh mereka dengan memberikan maklumat-maklumat kepada pihak yang berkuasa, menggesa penagih dadah supaya mendapatkan rawatan serta mengawasi kegiatan anak-anak mereka sendiri.

Dr. Mahathir berkata, penyalahgunaan dadah di zaman ini adalah berlainan dari di masa dulu kerana sekarang ia timbul dari kehancuran moraliti di barat dengan menggukannya sebagai suatu cara mendapatkan keseronokan atau "kicks".

Ia bukan digunakan untuk mengelakkan diri dari kesiksaan hidup seperti di masa lalu, tetapi untuk "mendapatkan thrill" dalam dunia yang penuh dengan kebosanan akibat segala mistri dalam hidup sudah terdedah, kata beliau.

"Inilah yang menyebabkan bagi mereka cinta ertinya sex, muzik ertinya membuat bising, lukisan ertinya mencontengkan sesuatu atas kanvas dan lain-lain," kata beliau.

Dr. Mahathir memuji peranan yang dimainkan oleh Lions Club dalam membantu usaha mencegah penyalahgunaan dadah ini.

Menyebut mengenai per-tubuhan sukarela seperti Lions Club itu, Dr. Mahathir mengingatkan tentang betapa pentingnya ia mempunyai anggota berbagai kaum dan bukan dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja.